

PELANCONGAN WARISAN BINA: BANDARAYA KOTA KINABALU (1881-2021)

Built Heritage Tourism: Kota Kinabalu City (1881-2021)

ZAINUDDIN BACO¹

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
¹Zainuddin@ums.edu.my*

Dihantar: 18 Mei 2022 / Diterima: 20 Julai 2022 / Diterbitkan: 21 Disember 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4128>

Abstrak

Prospek pembangunan pelancongan warisan khususnya warisan bina yang kurang ditonjol dan ditekankan oleh pihak berkepentingan sering menyebabkan produk warisan hanya dilihat sebagai salah sebuah produk sampingan atau produk pelengkap semata-mata. Oleh itu, kajian ini akan mengupas dan menyetengahkan aspek penting berkaitan pelancongan warisan khususnya pelancongan warisan bina yang berada di Kota Kinabalu seperti hubung kait pelancongan dengan warisan, sumber warisan bina, perancangan pembangunan pelancongan dan perkembangan pelancongan warisan bina dari tahun 1990 sehingga 2021. Pendekatan yang digunakan adalah empirikal dan deskriptif bagi menjelaskan aspek produk pelancongan warisan. Hasil penelitian ini diharap berupaya untuk menyetengahkan prospek pelancongan warisan di Sabah seiring dengan produk pelancongan lain di Sabah.

Kata kunci: Pelancongan warisan, warisan bina, Bandaraya Kota Kinabalu.

Abstract

The prospect of developing heritage tourism, especially built heritage, which is less highlighted and emphasized by stakeholders, often causes heritage products to be viewed as just one of the side products or complementary products. Therefore, this study will examine and highlight important aspects related to heritage tourism, especially built heritage tourism in Kota Kinabalu such as the link between tourism and heritage, built heritage resources, tourism development planning and the development of built heritage tourism from 1990 to 2021. The approach used is empirical and descriptive to explain aspects of heritage tourism products. The results of this research are expected to be able to highlight the prospects of heritage tourism in Sabah along with other tourism products in Sabah.

Keywords: Heritage tourism, built heritage, Kota Kinabalu City.

Pengenalan

Industri pelancongan merupakan antara penyumbang pendapatan terbesar di negeri Sabah. Pada tahun 2018, industri pelancongan di Sabah telah merekodkan hasil tertinggi dalam sejarah dengan kutipan hasil sebanyak RM8.342 bilion (*Utusan Borneo*, 27 Jun 2019). Negeri ini kaya dengan pelbagai warisan budaya masyarakat dan alam semula jadi yang menjadi sumber produk pelancongan yang bakal ditawarkan kepada para pelancong seperti produk pelancongan semula jadi, pulau, budaya dan warisan. Hal ini selaras dengan misi utama Lembaga Pelancongan Sabah (LPS) dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KePKAS) iaitu memasarkan posisi Sabah, Borneo Malaysia sebagai destinasi alam semula jadi yang ulung di dunia (LPS, 2021). Walau bagaimanapun, produk pelancongan berasaskan semula jadi sering ditonjol dan ditekankan dalam prospek pembangunan pelancongan di Sabah berbanding dengan produk berasaskan warisan. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberikan satu persaingan dan tekanan ke atas kelangsungan pelancongan warisan khususnya pelancongan warisan bina yang menawarkan tarikan dan pengalaman sejarah. Oleh itu, artikel ini akan mengupas dan menyetengahkan beberapa aspek penting berkaitan pelancongan warisan khususnya pelancongan warisan bina yang berada di Kota Kinabalu seperti hubungan kait pelancongan dengan warisan, sumber warisan bina, perancangan pembangunan pelancongan dan perkembangan pelancongan warisan bina dari tahun 1990 sehingga 2021.

Pelancongan warisan bina¹ adalah sebahagian daripada pelancongan berdasarkan tarikan sejarah yang terdapat di kawasan pelancongan tersebut. Fenomena pelancongan warisan adalah disebabkan oleh perspektif dan motivasi pelancong dan bukannya disebabkan tarikan khusus sesuatu tempat atau kawasan (Poria, Butler & Airey, 2001: 55-62). Sehubungan dengan itu, faktor usia sesuatu destinasi atau bandar memainkan peranan penting dalam hubungannya dengan pelancongan warisan bina kerana faktor usia sesuatu kawasan atau benda yang lama sering dikaitkan dengan pelbagai peristiwa, nostalgia dan sejarah. Berbanding dengan bandar lain yang tidak mengekalkan warisan binanya. Bandar warisan ataupun bandar lama yang berjaya mengekalkan keaslian warisan bina mempunyai aroma tempat yang berlainan dan sering mencerminkan kehidupan masyarakat dan peradaban pada masa tertentu. Hal inilah yang juga berlaku dalam konteks Bandaraya Kota Kinabalu yang kaya dengan tinggalan warisan bina seperti Padang Merdeka, Menara Jam Atkinson, Monumen Malaysia, Monumen Peringatan Perang Borneo, Deretan Rumah Kedai Jalan Gaya, Hotel Jesselton, Dewan Masyarakat Kota Kinabalu dan Muzium Sabah. Walaupun kebanyakan warisan bina yang ada di bandar ini tidaklah sehebat seperti mana yang terdapat di Melaka, Pulau Pinang, Kuala

Lumpur dan Perak, tetapi tinggalan warisan bina ini kawasan ini wajar ditonjol dan dipromosikan sebagai salah satu sumber produk pelancongan warisan yang sememangnya berupaya untuk menggambarkan pencapaian tahap budaya, imej dan identiti bandar serta masyarakat bandar yang terdapat di Kota Kinabalu serta mampu memberi pulangan ekonomi.

Dari segi sejarah, Bandaraya Kota Kinabalu merupakan antara bandar terancang terawal yang diwujudkan oleh *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) pada Julai 1889. Penubuhan bandar ini berkait rapat dengan langkah pembinaan sistem pengangkutan kereta api di kawasan pantai barat Borneo Utara. Walaupun sekitar tahun 1889 sehingga tahun 1942 telah memperlihatkan Bandaraya Kota Kinabalu (Jesselton) berkembang dengan lebih perlahan berbanding bandar Sandakan (Elopura), tetapi pasca Perang Dunia Kedua telah menyaksikan bahawa bandar Jesselton menjadi ibu negeri Borneo Utara. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan tumpuan pembangunan dan ekonomi adalah ke arah wilayah ini. Kebanyakan landskapnya hanya dibina di akhir tahun 1950 dan 1960-an kerana segala peristiwa yang pernah berlaku sebelum ini seperti pengeboman oleh pihak Berikat dan pembakaran yang dilakukan oleh pihak Jepun, tidak menghalang proses pertumbuhannya. Sebaliknya, ia telah membawa kepada perkembangan yang lebih pantas. Setelah tempoh lebih dari 100 tahun sejarahnya, Bandaraya Kota Kinabalu kini telah membangun daripada sebuah perkampungan atas air kepada pusat perdagangan utama negeri Sabah dan perkembangan ini tidak menghalang kepada pengekalan ciri asal bandar dan kekal dengan kaleidoskopnya yang bercirikan gabungan lama dan baru (Zainuddin & Bilcher, 2021: 14). Pengekalan ciri asal di pusat bandar kawasan ini dan tinggalan beberapa warisan bina yang masih kekal sehingga ini telah menyebabkan Bandaraya Kota Kinabalu sangat berpotensi dalam konteks pelancongan warisan bina. Oleh itu, artikel ini akan mengupas beberapa aspek penting berkaitan pelancongan warisan bina yang berada di Kota Kinabalu seperti hubungan kait pelancongan dengan warisan, sumber warisan, perancangan pembangunan pelancongan dan perkembangan pelancongan warisan bina dari tahun 1990 sehingga 2021.

Industri pelancongan merupakan antara penyumbang pendapatan terbesar di negeri Sabah. Pada tahun 2018, industri pelancongan di Sabah telah merekodkan hasil tertinggi dalam sejarah dengan kutipan hasil sebanyak RM8.342 bilion (*Utusan Borneo*, 27 Jun 2019). Negeri ini kaya dengan pelbagai warisan budaya masyarakat dan alam semula jadi yang menjadi sumber produk pelancongan yang bakal ditawarkan kepada para pelancong seperti produk pelancongan semula jadi, pulau, budaya dan warisan. Hal ini selaras dengan misi utama LPS dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KePKAS) iaitu memasarkan posisi Sabah, Borneo

Malaysia sebagai destinasi alam semula jadi yang ulung di dunia (LPS, 2021). Walau bagaimanapun, produk pelancongan berasaskan semulajadi sering ditonjolkan dan ditekankan dalam prospek pembangunan pelancongan di Sabah berbanding dengan produk berasaskan warisan. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberikan satu persaingan dan tekanan ke atas kelangsungan pelancongan warisan khususnya pelancongan warisan bina yang menawarkan tarikan dan pengalaman sejarah. Oleh itu, artikel ini akan mengupas dan menyetengahkan beberapa aspek penting berkaitan pelancongan warisan khususnya pelancongan warisan bina yang berada di Kota Kinabalu seperti hubungan kait pelancongan dengan warisan, sumber warisan bina, perancangan pembangunan pelancongan dan perkembangan pelancongan warisan bina dari tahun 1990 sehingga 2021.

Pelancongan warisan bina² sebahagian daripada pelancongan berdasarkan tarikan sejarah yang terdapat di kawasan pelancongan tersebut. Fenomena pelancongan warisan adalah disebabkan oleh perspektif dan motivasi pelancong dan bukannya disebabkan tarikan khusus sesuatu tempat atau kawasan (Poria, Butler & Airey, 2001: 55-62). Sehubungan dengan itu, faktor usia sesuatu destinasi atau bandar memainkan peranan penting dalam hubungannya dengan pelancongan warisan bina kerana faktor usia sesuatu kawasan atau benda yang lama sering dikaitkan dengan pelbagai peristiwa, nostalgia dan sejarah. Berbanding dengan bandar lain yang tidak mengekalkan warisan binanya. Bandar warisan ataupun bandar lama yang berjaya mengekalkan keaslian warisan bina mempunyai aroma tempat yang berlainan dan sering mencerminkan kehidupan masyarakat dan peradaban pada masa tertentu. Hal inilah yang juga berlaku dalam konteks Bandaraya Kota Kinabalu yang kaya dengan tinggalan warisan bina seperti Padang Merdeka, Menara Jam Atkinson, Monumen Malaysia, Monumen Peringatan Perang Borneo, Deretan Rumah Kedai Jalan Gaya, Hotel Jesselton, Dewan Masyarakat Kota Kinabalu dan Muzium Sabah. Walaupun kebanyakan warisan bina yang ada di bandar ini tidaklah sehebat seperti yang terdapat di Melaka, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Perak, tetapi tinggalan warisan bina ini kawasan ini wajar ditonjol dan dipromosikan sebagai salah satu sumber produk pelancongan warisan yang sememangnya berupaya untuk menggambarkan pencapaian tahap budaya, imej dan identiti bandar serta masyarakat bandar yang terdapat di Kota Kinabalu serta mampu memberi pulangan ekonomi.

Dari segi sejarah, Bandaraya Kota Kinabalu merupakan antara bandar terancang terawal yang diwujudkan BNCC pada Julai 1889. Penubuhan bandar ini berkait rapat dengan langkah pembinaan sistem pengangkutan kereta api di kawasan pantai barat Borneo Utara. Walaupun sekitar tahun 1889 sehingga tahun 1942, telah memperlihatkan Bandaraya Kota Kinabalu

(Jesselton) berkembang dengan lebih perlahan berbanding bandar Sandakan (Elopura), tetapi pasca Perang Dunia Kedua telah menyaksikan bahawa Bandar Jesselton menjadi ibu negeri Borneo Utara. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan tumpuan pembangunan dan ekonomi adalah ke arah wilayah ini. Kebanyakan landskapnya hanya dibina di akhir tahun 1950 dan 1960-an kerana segala peristiwa yang pernah berlaku sebelum ini seperti pengeboman oleh pihak Berikat dan pembakaran yang dilakukan oleh pihak Jepun, tidak menghalang proses pertumbuhannya. Sebaliknya, telah membawa kepada perkembangan yang lebih pantas. Setelah tempoh lebih dari 100 tahun sejarah penubuhannya, Bandaraya Kota Kinabalu kini telah membangun daripada sebuah perkampungan atas air kepada pusat perdagangan utama negeri Sabah dan perkembangan ini tidak menghalang kepada pengekalan ciri asal bandar dan kekal dengan kaleidoskopnya yang bercirikan gabungan lama dan baru (Zainuddin & Bilcher, 2021: 14). Pengekalan ciri asal di pusat bandar kawasan ini dan tinggalan beberapa warisan bina yang masih kekal sehingga ini telah menyebabkan Bandaraya Kota Kinabalu sangat berpotensi dalam konteks pelancongan warisan bina. Oleh itu, artikel ini akan mengupas beberapa aspek penting berkaitan pelancongan warisan bina yang berada di Kota Kinabalu seperti hubungan kait pelancongan dengan warisan, sumber warisan, perancangan pembangunan pelancongan dan perkembangan pelancongan warisan bina dari tahun 1990 sehingga 2021.

Hubung Kait Pelancongan dengan Warisan Bina

Dallen dan Stephen (2003:7) telah mencadangkan satu model umum dalam meneliti hubungan kait pelancongan dengan warisan. Pendekatan model ini adalah berdasarkan perspektif tingkah laku dan geografi yang lahir berdasarkan dua jenis persekitaran iaitu fenomenal dan tingkah laku. Dalam menjelaskan hubungan kait kedua-dua persekitaran, mereka menjelaskan bahawa persekitaran tingkah laku adalah ketika sosial dan budaya wujud bersama dengan persekitaran fenomenal kemudian dinilai oleh masyarakat. Zimmermann (1951:15) pula melihat sesuatu sumber terbentuk sebagai sebahagian daripada dunia fizikal dan hanya menjadi sumber apabila ia dianggap mempunyai nilai kepada masyarakat. Berdasarkan konteks ini, sesuatu tapak warisan terbentuk sebagai sebahagian daripada dunia fizikal dan sosial (persekitaran fenomenal) dan hanya menjadi sebahagian daripada persekitaran tingkah laku apabila ia dianggap mempunyai nilai oleh masyarakat dan budaya mempunyai nilai serta fungsi utilitarian (Rodopi, 1998: 4). Dallen & Stephen (2003:7), mengilustrasikan bahawa warisan terbentuk menerusi elemen daripada masa lampau yang ingin dikekalkan oleh masyarakat. Menurut mereka lagi, bukan semua warisan merupakan produk pelancongan warisan, hanya tapak warisan tertentu yang dipilih dan dianggap bernilai oleh masyarakat. Berdasarkan perbincangan,

sesuatu warisan khususnya warisan bina perlu dikenal pasti dan dihargai oleh masyarakat bagi memastikan ia berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan.

Faktor utama yang mendorong kepada keberkesanan pelancongan warisan adalah berupaya memberikan pengalaman menarik kepada pelancong melalui lawatan mereka. Pengalaman pelancongan warisan atau pengalaman persekitaran warisan dipengaruhi dan dibentuk berdasarkan gabungan pelbagai elemen seperti permintaan dan penawaran, persekitaran landskap warisan yang dipulihara dan dilindungi, pengurusan sumber warisan, tarikan pelancongan warisan dan lain-lain. Hal ini demikian kerana produk pelancongan warisan dibentuk berdasarkan pelancongan, aspek komoditi utamanya adalah pengalaman pelancong yang melawat tapak-tapak warisan. Pengalaman pelancong ini pula akan mempengaruhi asas perancangan, isu dan hasil produk pelancongan warisan. Elemen utama pelancongan warisan adalah memberikan pengalaman kepada pelancong/pelawat untuk merasai dan menghargai tinggalan peradaban dan evolusi budaya, sejarah/arkeologi dengan melawat tapak bersejarah/warisan (Badaruddin & Nikmatul, 2007: 62).

Sumber Pelancongan Warisan

Matlamat utama pelancongan warisan adalah untuk memberi pengalaman kepada pelancong untuk merasai dan mengalami tempat dan aktiviti sah yang mewakili cerita dan pengalaman masyarakat terdahulu. Oleh itu, LPS dan Sri Pelancongan Sabah Sdn. Bhd. (SPS) serta beberapa syarikat pelancongan di Sabah telah memperkenalkan salah satu produk pelancongan warisan bina iaitu *Kota Kinabalu Heritage Walk* (LPS, 2021). Produk pelancongan ini melibatkan lawatan ke atas beberapa warisan bina di Bandaraya Kota Kinabalu dalam usaha untuk memberi pengalaman dan memaparkan keunikan dan keistimewaan yang terdapat di Bandaraya Kota Kinabalu. Dua kriteria utama produk pelancongan warisan ini diperkenalkan. Pertama berdasarkan keunikan tapak warisan bina dan kepentingan sejarahnya ke atas sejarah Bandaraya Kota Kinabalu. Kedua, kedudukan kesemua tapak warisan yang berhampiran dan tertumpu di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu.

Program ini telah dilancar dan dirasmikan oleh Pengerusi LPS iaitu Tengku Datuk Dr Zainal Adlin pada 22 Mac 2005. Semasa perasmian, satu garis panduan umum telah diperkenalkan yang dikenali Panduan Warisan dan Kelab Warisan. Panduan tersebut dilihat sebagai permulaan usaha mereka yang proaktif dalam bidang sejarah, budaya dan alam semula jadi tapak memulihara dan memelihara Negara. Penglibatan tujuh buah syarikat pelancongan di Sabah membolehkan produk ini dilaksana atau dijalankan dua kali seminggu, iaitu pada hari Selasa

dan Khamis, bermula pada pukul 9.00 pagi sehingga pukul 11.30 pagi. Setiap pengunjung akan diberikan topi dan buku panduan *KK Heritage Walk*. Dari segi lawatan pula, perjalanan akan bermula di Padang Merdeka dan berakhir di Muzium Kopitiam. Semasa lawatan juga, para pengunjung akan disertai oleh pemandu pelancong profesional yang akan memberikan pengetahuan umum berkaitan dengan sejarah Sabah yang bermula dari zaman sebelum Perang Dunia Pertama sehingga Sabah mencapai kemerdekaan. Dengan erti kata lain, *KK Heritage Walk* bakal memberikan satu pengalaman menarik kepada pengunjung dengan melawat kawasan bersejarah dan merupakan satu aktiviti komprehensif berjalan kaki selama dua jam sehingga dua setengah jam melawat tapak warisan di bawah (Jadual 1);

Jadual 1 Kawasan dilawati semasa *Kota Kinabalu Heritage Walk*



Padang Merdeka

Padang merupakan lokasi peristiwa kemerdekaan negeri Sabah dilangsungkan.



Menara Jam Atkinson

Atkinson Clock Tower merupakan ikon Bandaraya Kota Kinabalu dan dibina untuk memperingati Francis George Atkinson yang merupakan pegawai daerah pertama Jesselton.



Monumen Malaysia

Didirikan oleh Dewan Perniagaan Cina untuk memperingati penglibatan negeri Sabah yang bersama-sama dengan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak untuk membentuk Malaysia pada 16 September 1963.



Monumen Peringatan Perang Borneo Utara

Dibina pada tahun 1923 untuk memperingati 13 orang askar yang telah terkorban semasa Perang Dunia Pertama. Juga berperanan untuk memperingati Pasukan Pembebasan Australia dan Angkatan Bersenjata Malaysia yang terkorban semasa Perang Dunia Kedua dan Konfrontasi Malaysia-Indonesia.



Jalan Gaya

Jalan Gaya merupakan jalan tertua di Kota Kinabalu dan telah wujud sejak tahun 1900-an. Deretan rumah kedai yang terdapt di kawasan ini merupakan kawasan tumpuan utama penduduk bandar pada masa dahulu untuk mendapatkan keperluan harian.



Hotel Jesselton

Hotel Jesselton merupakan hotel moden pertama di Kota Kinabalu yang dibuka dirasmikan di Jalan Gaya oleh Mr. Turnbull pada 12 Mac 1954 dan masih beroperasi sehingga kini. Dari segi sejarah, sebelum Perang Dunia Kedua, Hotel Jesselton dikenali sebagai Town's Quaint Timber and Tin Roofed Government Rest House.



Bangunan Lembaga Pelancongan Sabah

Antara tiga bangunan yang terselamat selepas Perang Dunia Kedua. Mula dibina pada tahun 1916 dan kini menjadi pejabat untuk Lembaga Pelancongan Sabah.



Dewan Masyarakat Kota Kinabalu

Juga dikenali sebagai Pusat Komuniti Jesselton dan Bangunan Kemerdekaan. Dewan ini telah menjadi saksi pelbagai peristiwa penting dalam sejarah Sabah.



AUSTRALIA PLACE

Kawasan penempatan Pasukan Pembebasan Australia semasa pasukan mereka mendarat di Jesselton semasa Perang Dunia Kedua.



Muzium Kopitiam

Kedai kopi yang mengekalkan gaya tradisional untuk tujuan memperingati hari dan pengorbanan Pasukan Pembebasan Australia.



Tugu Peringatan Perang Dunia Pertama

Juga dikenali sebagai *North Borneo War Memorial* dan Tugu ANZAC merupakan sebuah tugu yang dibina untuk memperingati peristiwa pengorbanan tentera iaitu Perang Dunia Pertama 1914-1918, Perang Dunia Kedua 1939-1945 dan Konfrontasi Malaysia-Indonesia 1963-1966.



Pelabuhan dan Dermaga Lama

Juga dikenali sebagai Jesselton Point yang dahulunya merupakan laluan perdagangan utama yang membawa komoditi dan hasil bumi Sabah ke tempat lain. Kini, dijadikan sebagai laluan menuju ke pusat pelancongan dan rekreasi di sekitar Kota Kinabalu.

Sumber: "Kota Kinabalu Heritage Walk" dalam <http://www.kkheritagewalk.com>, Dilayari pada 12 Disember 2012

Perancangan Pembangunan Pelancongan Warisan

Pembangunan pelancongan warisan melibatkan beberapa peringkat daripada makro iaitu peringkat antarabangsa sehinggalah mikro iaitu peringkat tapak (Badaruddin, Nikmatul & Adha Nordin, 2007: 90-93). Dalam konteks Bandaraya Kota Kinabalu, perancangan pembangunan pelancongan warisan dilakukan menerusi empat peringkat iaitu negeri, Wilayah Kecil, Guna Tanah dan Tapak. Di peringkat negeri, sebarang perancangan pelancongan dalam negeri dilaksanakan oleh KePKAS adalah menerusi LPS. Matlamat utama Dasar Pembangunan Pelancongan ini dilaksanakan adalah; Mempertingkatkan kedatangan dan perbelanjaan pelancong; Menggalakkan pembangunan pelancongan domestik; Melaksanakan promosi dan pemasaran berdasarkan "*unique selling point*" mengikut pasaran serta kumpulan sasaran; Mewujudkan keseimbangan antara pembangunan pelancongan tempatan dan antara bandar dan luar bandar; Memberi keutamaan kepada penglibatan masyarakat setempat dalam aktiviti pelancongan; Dan, menggalakkan pelaburan sektor swasta selaku "*engine of growth*" dalam industri pelancongan (Komunikasi peribadi, Jeffarison Solingkin, 4 Julai 2011). Dalam memastikan industri pelancongan

Negeri Sabah sebagai sumber ekonomi yang penting dan perlu diperkukuhkan supaya menjadi antara penyumbang ekonomi yang berkekalan, KePKAS telah melaksanakan Dasar Pembangunan Pelancongan dan melaksanakan lima teras strategik (Jadual 2). Antaranya adalah yang berkaitan dengan pembangunan pelancong dan perlindungan warisan budaya.

Jadual 2 Teras strategik Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar


| 1. Sumbangan Industri Pelancongan kepada Ekonomi Negeri Sabah |
|---|
| <p>Outcome Peningkatan sumbangan Pelancongan kepada KDNK negeri serta menjana aliran masuk tetap wang asing</p> |
| <p>Strategi</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Meningkatkan aksesibiliti udara melalui kerjasama dengan pengusaha pelancongan dan syarikat penerbangan antarabangsa dan nasional. II. Menggalakkan pelaburan sektor swasta, selaku <i>"engine of growth"</i> dalam industri pelancongan. III. Menjalankan aktiviti pemasaran dan promosi di pasaran berpotensi. IV. Menjalankan <i>"Target Marketing"</i> di pasaran niche dan pasaran yang mempunyai kesan belian tinggi. V. Mengenal pasti produk pelancongan baru dan menggalakkan pembangunan produk serta perkhidmatan pelancongan yang inovatif. VI. Menggalakkan penyertaan masyarakat tempatan dan luar bandar dalam pembangunan pelancongan. |
| 2. Pembangunan Industri Pelancongan yang Mampan dan Berdaya Saing |
| <p>Outcome Industri pelancongan yang berdaya maju dan mempunyai daya tahan terhadap cabaran semasa.</p> |
| <p>Strategi</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Menggalakkan pengurusan produk pada tahap kualiti dan piawaian antarabangsa. II. Meningkatkan kualiti infrastruktur yang berdaya maju dan berorientasikan pasaran. III. Menggalakkan pembangunan prasarana dan produk pelancongan yang mesra alam. IV. Meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancong. V. Mewujudkan skim pentauliahian produk dan perkhidmatan pelancongan negeri (<i>Eco-Certification</i>) |
| 3. Pemuliharaan dan Perlindungan Warisan Budaya |
| <p>Outcome Pengukuhan perlindungan pengurusan pemuliharaan warisan budaya.</p> |
| <p>Strategi</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Mengarusperdanakan dan mengantarabangsakan warisan budaya. II. Menjalankan penyelidikan dan pembangunan warisan budaya. III. Menggalakkan dan membangunkan produk kebudayaan yang bermutu dan boleh dikomersialkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. IV. Memperkasa pertubuhan kebudayaan dalam negeri termasuk penyediaan bantuan dana yang berpatutan. V. Menggalakkan dan mengekalkan penghayatan kepelbagaian budaya dan warisan dengan memberi kesamarataan akses kepada semua etnik untuk berkembang. VI. Memperkukuhkan penguatkuasaan dan perundangan berhubung harta warisan budaya. |

Sumber: Dasar dan Pelan Strategik Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (Jeffarison Solingkin, 2011)

Perancangan pelancongan di peringkat negeri memperlihatkan usaha kerajaan negeri dalam membangunkan industri pelancongan yang dilihat mampu memberikan atau menjana pulangan ekonomi yang berterusan. Oleh itu, dasar pembangunan pelancongan dan beberapa teras strategik yang berkaitan telah diperkenalkan. Di peringkat wilayah kecil dan guna tanah pula, perancangan pelancong lebih tertumpu pada perancangan polisi dan penyediaan kemudahan serta infrastruktur kepada pelancong. Agensi yang bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan dan infrastruktur adalah LPS dan DBKK. Aspek penting dilakukan oleh kedua-dua agensi pengurusan warisan ini adalah memulihara, memelihara, menaik taraf dan memperbaiki infrastruktur serta kemudahan asas pelancong sedia ada. Ia meliputi kawasan persekitaran dan struktur bangunan yang disediakan untuk kegunaan dan keselesaan pengunjung di destinasi yang dikenal pasti menjadi tarikan pelancong. Komponen infrastruktur dan kemudahan asas pelancongan merangkumi;


- I. Jalan raya, jambatan dan jeti atau sebarang kemudahan yang menjadi akses kepada laluan utama pelancong ke destinasi pelancongan.
- II. Lampu jalan di sekitar kawasan destinasi pelancongan warisan.
- III. Sistem perparitan, saliran dan air pancut di kawasan destinasi pelancongan warisan.
- IV. Tempat letak kereta dan bas pelancong, hotel, *chalet*, kabin, restoran dan kedai kraf tangan.
- V. Papan penerangan, papan tanda dan papan arah.
- VI. Kemudahan asas seperti tandas, bilik persalinan dan surau.

Salah satu usaha DBKK adalah melaksanakan polisi pelancongan bertujuan untuk menguat kuasa dan memperkukuhkan semula bangunan dan hartanah yang mempunyai nilai sejarah dan budaya negeri Sabah yang dapat menaikkan imej Bandaraya Kota Kinabalu. Malah, DBKK juga menyatakan bahawa Sabah International Convention Centre yang secara langsung berupaya menjadikan Bandaraya Kota Kinabalu sebagai salah satu *Meetings, Incentive, Conventions and Exhibitions* (MICE) antarabangsa. Hal ini diperlihatkan menerusi pelaksanaan polisi pelancongan DBKK menjelang tahun 2030. Malah, DBKK juga bakal melaksanakan satu projek jangka panjang yang bakal siap menjelang tahun 2030. Projek ini dikenali sebagai *Atkinson Clock Tower and Australia Place Heritage Precinct Project*. Kawasan projek yang dicadangkan meliputi kawasan sekitar Menara Jam Atkinson, deretan bangunan kekal pertama yang dibina sejurus tamat Perang Dunia Kedua termasuk balai polis, rumah kedai Australia, Padang Merdeka, Dewan Masyarakat Kota Kinabalu dan menara pemantau di Signal Hill (Jabatan Perancangan Bandaraya Kota Kinabalu, 2011).




Rajah 1 Warisan budaya & MICE

Sumber: Jabatan Perancangan Bandaraya Kota Kinabalu (2011).



Rajah 2 Kawasan yang terlibat dalam *Atkinson Clock Tower and Australia Place Heritage Precinct Project*

Sumber: Jabatan Perancangan Bandaraya Kota Kinabalu (2011).



Rajah 3 Atkinson Clock Tower Layout 1
Sumber: Jabatan Perancangan Bandaraya Kota Kinabalu (2011).



Rajah 4 Atkinson Clock Tower Layout 2
Sumber: Jabatan Perancangan Bandaraya Kota Kinabalu (2011).

Matlamat utama projek ini adalah untuk membangunkan dan meningkatkan "*sense of place*" kawasan bersejarah yang mempunyai keunikan seni bina tersendiri. Kawasan ini juga merupakan penempatan awal Bandaraya Kota Kinabalu. Jangkaan hasil daripada pelaksanaan projek ini adalah kawasan ini mampu menjadi sebuah kawasan pelancongan warisan berdasarkan nilai sejarah dan keunikan seni bina bangunannya. Malah, dari

segi infrastruktur pula kawasan ini dijangkakan mempunyai kemudahan jalan raya, kemudahan letak kereta dan laluan pejalan kaki yang lebih baik untuk kemudahan pelancongan dan penduduk Bandaraya Kota Kinabalu. Dari aspek pembangunan tapak yang lebih tertumpu pada pembangunan dan promosi tarikan pelancongan, pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakannya adalah agensi pengurusan warisan yang menjadi pemilik atau pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan sesuatu tapak. Sebagai contoh, Menara Atkinson diurus oleh JMNS dan DBKK. Dari aspek pembangunan tapak mahupun penyelenggaraan landskap tapak dilakukan oleh DBKK, manakala dari aspek pemuliharaan, perlindungan dan promosi pelancongan pula dilakukan oleh JMNS dengan kerjasama LPS (Komunikasi Peribadi, Petrus Gandilan, 11 Oktober 2012 dan Jeffarison Solingkin, 4 Julai 2011).

Perkembangan Pelancongan Warisan

Pelancongan warisan di negeri Sabah amnya dan Kota Kinabalu khususnya telah bermula sejak awal tahun 1900. Walau bagaimanapun, perkembangan awal pelancongan warisan ketika itu lebih tertumpu pada pengembaraan atau kunjungan individu tertentu yang ingin melihat keunikan dan kepelbagaian warisan budaya Kepulauan Borneo khususnya di Borneo Utara. Hal ini kerana Borneo Utara dilihat sebagai salah satu kawasan yang baharu dan asing bagi masyarakat Eropah dengan kepelbagaian budaya dan dilihat masih mempunyai masyarakat primitif. Keadaan ini menyebabkan kawasan ini menjadi tumpuan kepada pelbagai individu yang berminat untuk menerokai. Sebagai contoh, lawatan keluarga Diraja Britain iaitu Prince Philip dan Queen Elizabeth yang telah dua kali mengunjungi dan melawat Kepulauan Borneo. Malah, terdapat sebuah kawasan atau taman di Bandaraya Kota Kinabalu yang dikenali sebagai Taman Prince Philip. Taman ini dinamakan Prince Philip bagi menghargai dan mengenang jasa keluarga Diraja Britain yang kerap mengunjungi Borneo Utara. Hal ini turut dibuktikan menerusi kewujudan Hotel Jesselton atau *Town's Quaint Timber and Tin Roofed Government Rest House* pada tahun 1937, yang merupakan hotel pertama di daerah Jesselton jelas membuktikan telah wujud aktiviti pelancongan di Bandaraya Kota Kinabalu (*The Sabah Times*, 15 Mac 1954).


Walau bagaimanapun, sebelum kewujudan KePKAS tidak wujud sebarang rekod atau pendokumentasian yang jelas mengenai aspek pelancongan di Borneo Utara. Aspek yang dimaksudkan dari segi dasar pelancongan, penyediaan kemudahan dan infrastruktur khusus dan lain-lain di Borneo Utara. Oleh itu, kewujudan KePKAS pada tahun 1968 merupakan titik awal perkembangan pelancongan warisan dan budaya di Sabah secara sistematik. Berdasarkan LPS, industri pelancongan di negeri Sabah mula memperlihatkan perkembangan yang mendadak sejak dekad ini. Hal ini dibuktikan menerusi kenyataan mantan Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Christina Liew yang menyatakan bahawa industri pelancongan Sabah pada tahun 2018 merekodkan hasil tertinggi dalam sejarah dengan kutipan hasil sebanyak RM8.342 bilion. Daripada jumlah tersebut, kedatangan pelancong telah meningkat sebanyak 5.3 peratus sepanjang 2018 dan hasil pelancongan turut meningkat 6.6 peratus berbanding hasil kutipan RM7.82 bilion pada 2017 bilion (*Utusan Borneo*, 27 Jun 2019).

Dalam konteks pelancongan warisan pula, perkembangan pelancongan dapat dilihat menerusi jumlah pelancong dan pengunjung yang melawat Muzium Sabah. Hal ini kerana kompleks Muzium Negeri Sabah merupakan antara kawasan yang menjadi persinggahan wajib bagi para pelancong yang ingin merasai bentuk pelancongan warisan. Oleh itu, berdasarkan statistik kedatangan jumlah pelawat di Kompleks Muzium Negeri Sabah, sepanjang tempoh 1990 sehingga 2009, jumlah keseluruhan pelawat adalah sebanyak 6,758,890 orang. Pada tahun 2009 sahaja, sebanyak 509,641 pelancong daripada 2,256,068 pelancong yang datang ke Negeri Sabah akan melawat Kompleks Muzium Negeri Sabah (*Sabah Tourism Board 2009 Annual Report*, 2010: 23). Hal ini memperlihatkan bahawa sebanyak 22.5 peratus adalah pelancong yang datang ke negeri Sabah akan melawat dan akan menikmati pelancongan warisan (Jadual 3). Perkembangan pesat sektor pelancongan khususnya industri pelancongan warisan di negeri Sabah jelas memperlihatkan usaha pengurusan warisan bina bandar yang berterusan perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan. Hal ini kerana warisan bina dan warisan budaya negeri Sabah merupakan salah satu produk pelancongan yang berpotensi dikembangkan selaras dengan dasar KeKPAS, iaitu memastikan industri pelancongan dapat menjana pulangan ekonomi yang berkekalan.

Jadual 3 Profile jumlah pelawat ke Muzium Negeri Sabah 1990-2012

| Tahun | Jumlah Pelawat |
|--------------|-----------------------|
| 1990 | 141716 |
| 1991 | 140847 |
| 1992 | 136902 |
| 1993 | 136615 |
| 1994 | 143743 |
| 1995 | 340567 |
| 1996 | 237187 |
| 1997 | 217938 |
| 1998 | 268016 |
| 1999 | 268229 |
| 2000 | 269812 |
| 2001 | 140,849 |
| 2002 | 97,153 |
| 2003 | 77,341 |
| 2004 | 84,320 |
| 2005 | 105,345 |
| 2006 | 157,932 |
| 2007 | 341,505 |
| 2008 | 347,059 |
| 2009 | 333,676 |
| 2010 | 261,114 |
| 2011 | 244,828 |
| 2012 | 323,141 |

Sumber: Jabatan Muzium Negeri Sabah.



Rajah 5 Statistik jumlah pelawat ke Muzium Negeri Sabah 1990-2012
Sumber: Jabatan Muzium Negeri Sabah.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelancongan warisan bina yang terdapat di Bandaraya Kota Kinabalu sangat berpotensi dibangunkan dan dikomersialkan selari dengan produk pelancongan semula jadi di Sabah. Faktor sejarah dan keunikan yang terdapat di kawasan ini merupakan antara elemen penting yang mampu memberikan pengalaman menarik dan berharga kepada para pelancong. Tumpuan dasar dan pembangunan pelancongan kerajaan negeri yang terlalu menekankan produk pelancongan berasaskan alam semula jadi wajar diteliti semula dengan turut mengambil kira prospek pelancongan warisan. Kekurangannya pendedahan dan penekanan daripada pihak yang terlibat di Kota Kinabalu mengenai sumber dan kaedah membangunkan sumber warisan sebagai kawasan pelancongan menyebabkan ia kurang memberi kesan kepada pelancong. Hal ini akan menyebabkan ketiadaan memori (penghayatan dan pengalaman) yang berpanjangan terhadap kedatangan pelancong di Kota Kinabalu. Beberapa pengalaman dari luar negara atau dalam negara

umpamanya di Melaka dan Pulau Pinang dapat digunakan bagi membangunkan warisan sejarah sebagai tarikan pelancongan warisan di kawasan ini. Demikian juga dengan pengalaman di Eropah seperti Bandar Bath dan York di United Kingdom dan Venice di Itali yang menjadikan sektor pelancongan warisan sebagai sumber pendapatan utama para penduduknya. Kedua-dua bandar ini menjadi antara bandar yang paling ramai dilawati oleh para pelancong dari seluruh dunia.

Nota

- ¹ Warisan bina dirujuk kepada sebarang warisan budaya dalam bentuk statik yang meliputi sebarang tinggalan struktur yang dibina sama ada monumen, bangunan, kumpulan bangunan, tugu peringatan, rumah individu, deretan rumah kedai dan landskap yang diwartakan sebagai warisan budaya atau bangunan bersejarah yang disebabkan oleh faktor usia, seni bina, teknologi pembinaan, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, sains dan seni dan dapat memberikan perasaan kagum yang menyebabkan masyarakat ingin mengetahui lebih lanjut mengenai bangsa dan budaya yang menghasilkannya.
- ² Warisan bina dirujuk kepada sebarang warisan budaya dalam bentuk statik yang meliputi sebarang tinggalan struktur yang dibina sama ada monumen, bangunan, kumpulan bangunan, tugu peringatan, rumah individu, deretan rumah kedai dan landskap yang diwartakan sebagai warisan budaya atau bangunan bersejarah yang disebabkan oleh faktor usia, seni bina, teknologi pembinaan, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, sains dan seni dan dapat memberikan perasaan kagum yang menyebabkan masyarakat ingin mengetahui lebih lanjut mengenai bangsa dan budaya yang menghasilkannya.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Badaruddin Mohamed d& Nikmatul Adha Nordin. (2007). *Perancangan Pelancongan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dallen, T. J. & Boyd W. S. (2003). *Heritage tourism*. England: Pearson Education Limited.
- Jabatan Perancangan Bandaraya Kota Kinabalu. (2011). Taklimat kertas kerja Bandaraya Kota Kinabalu Bandaraya Peranginan Semula jadi. Majlis Daerah Tampin, Negeri Sembilan, 14 Julai 2011.
- Poria, Y., Butler, R., & Airey, D. (2001) Clarifying heritage tourism. *Annals of Tourism Research*, 28 (4), 1047-1049.
- Sabah Tourism Board. (2010). *Sabah Tourism Board 2009 Annual Report*. Kota Kinabalu: Sabah Tourism Board.
- Utusan Borneo. (27 Jun 2019). Industri Pelancongan Sabah Rekod Hasil Tertinggi dalam Sejarah. <https://www.utusanborneo.com.my/>. Diakses pada 13 Ogos 2021.
- Zainuddin Baco & Bilcher Bala. (2021). Sejarah Pembangunan Bandaraya Kota Kinabalu, 1881-1962. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 6(1), 1-22.
- Zainuddin Baco. (2014). Pengurusan warisan bina bandar. Penelitian ke atas Bandaraya Kota Kinabalu. Tesis Sarjana Sastera (Tidak diterbitkan). Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.

Temu Bual

- En. Aldofus Lester John Millip. 42 Tahun. Penolong Pengarah, Muzium Negeri Sabah. 2 Mac 2012.
- En. Jablee bin Jaratul. 40 Tahun. Pengarah, Jabatan Budaya Kementerian Pelancongan, kebudayaan dan Alam Sekitar, Warisan Negeri Sabah. 29 Oktober 2012.
- En. Jeffarison Solingkin. 27 Tahun. Pegawai Khas kepada Menteri dan Penolong Setiausaha Perhubungan Kementerian. 4 Julai 2011.
- Encik Petrus bin Gandilan. 50 Tahun. Ketua Penyelidikan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 11 Oktober 2012.

Laman Web

- Kota Kinabalu Heritage Walk*. <http://www.kkheritagewalk.com>. Diakses pada 28 September 2021.
- Lembaga Pelancongan Sabah. (2021). <https://www.sabahtourism.com/>. Diakses pada 13 Ogos 2021.